

04/07/1998

Pinjaman komersil untuk dana prasarana

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan akan menggunakan dana tempatan dan membuat pinjaman komersil biasa dari luar negara untuk Dana Pembangunan Prasarana (DPP) yang akan membiayai pelbagai pembangunan infrastruktur termasuk projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yakin Malaysia boleh mendapatkan wang berkenaan menerusi dana tempatan atau meminjam dari luar negara.

"Jika dari Kerajaan Persekutuan, ia mungkin dilakukan dalam bentuk pinjaman mudah tetapi dari luar, kita boleh mendapatkan pinjaman komersil yang biasa kecuali ada negara yang sedia meminjamkan kita wang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang 1997 Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas langkah kerajaan menubuhkan DPP dengan peruntukan awal RM5 bilion.

Dana itu juga akan digunakan untuk memastikan semua kemudahan asas bagi projek MSC dapat disediakan mengikut jadual.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan penubuhan dana itu bertujuan memastikan pembangunan bandar raya pintar, Cyberjaya, tidak tergendala akibat masalah ekonomi dan kemajuannya tidak terjejas.

Mengenai kemungkinan pinjaman asing mengenakan kadar faedah tinggi, Dr Mahathir berkata, negara lain mengenakan faedah bagi pinjaman yang agak rendah.

Perdana Menteri menjelaskan DPP bukan hanya untuk MSC tetapi juga peruntukan bagi infrastruktur kerana Malaysia memang memerlukannya.

"Aktiviti pembinaan akan mencetuskan kesan sampingan kepada 140 industri dan sebab itu kita memberi tumpuan kepada infrastruktur, membina jalan, menyediakan kemudahan air dan elektrik.

"Banyak yang dikenal pasti dan sesetengahnya sudah diluluskan tetapi tiada peruntukan. Kini, kita mempunyai peruntukan, kita akan meneruskannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri juga boleh berbuat demikian jika mempunyai wang.

Mengenai laporan media asing yang mengatakan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert E Rubin terkejut dengan laporan media negara ini bahawa beliau bersetuju bahawa kadar faedah yang tinggi boleh merosakkan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata, beliau juga terkejut dengan reaksi Rubin.

"Saya turut terkejut kerana beliau terkejut. Tetapi begitulah pemahaman saya. Saya tidak tahu... pendirian kita ialah kita mahu kadar faedah diturunkan jika kita tidak mahu 'membunuh' orang kita.

"Tetapi jika ia menegaskan ia tidak berkata demikian, tidak mengapa. Ia tidak menjadi masalah kepada kita kerana kita tidak meminta sokongannya. Itu dasar kita," katanya.

(END)